

SEMINAR MEMPERTINGKATKAN KESELAMATAN ELEKTRIK

AKTIVITI PENGUATKUASAAN & OPERASI KAWASAN

Oleh: Ir. Shafie Mohamed

Tawau – 17 Julai 2018

FUNGSI & KUASA

- Akta Suruhanjaya Tenaga 2001
 - Seksyen 14(d), 14(e) dan 14(f)

- Akta Bekalan Elektrik 1990
- Akta Bekalan Gas 1993

Seksyen 14(d)

Melaksanakan & Menguatkuasakan
peruntukan undang-undang
Pembekalan Tenaga

Seksyen 14(e)

Mengawal selia segala perkara yang berhubung dengan Industri Pembekalan Elektrik

&

Melindungi mana-mana orang drp bahaya yg berbangkit drp penjanaan, pengeluaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik.

Seksyen 14(f)

Mengawal selia semua perkara yang berhubung dengan Pembekalan Gas melalui talian paip, dan

Melindungi mana-mana orang drp bahaya melalui talian paip & penggunaan gas.

Peruntukan Kuasa Pegawai Diberi Kuasa – Sek. 4A, ABE 1990


Menteri,
secara bertulis
memberi kuasa kepada mana-mana pegawai
awam / Suruhanjaya bagi menjalankan kuasa
penguatkuasaan di bawah akta ini.

Peranan Pegawai Diberi Kuasa

1. Pegawai Serbuan (RO)

2. Pegawai Penyiasat (IO)

3. Pegawai Pendakwaan (PO)



Peruntukan Kuasa Yang Berkaitan

PERKARA	ABE 1990 (AKTA 447)	ABG 1993 (AKTA 501)
Kuasa Memasuki	Sek. 5	Sek. 5
Kuasa Menyiasat	Sek. 6	Sek. 6
Halangan (ABE) / Kuasa memanggil orang yang tau kes (ABG)	Sek. 8	Sek. 7
Kesalahan & Penalti	Sek. 37	Sek. 30
Pendakwaan	Sek. 42	Sek. 9
Pengkompaunan	Sek. 43	Sek. 34

PENGUATKUASAAN

Penguatkuasaan – Dijalankan di mana?

1.
Pelesenan

2.
Pendaftaran
Pepasangan

3.
Pelantikan &
Pendaftaran
Orang Kompeten

4.
Mengganggu
Pepasangan/
Menggunakan
Elektrik Dgn Curang

5.
Kelengkapan
Elektrik

6.
Pelantikan &
Pendaftaran
Pengurus Tenaga
Elektrik

7.
Pendaftaran &
Pelantikan
Kontraktor

8.
Lain-lain

1. PELESENAN

PELESENAN

DEFINASI	SEKSYEN 2	Dikeluarkan di bawah seksyen 9 & termasuk termasuklah apa-apa lesen yg dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang lain yg berkuatkuasa sebelum pemasyuran Akta ini.
KEPERLUAN	SEKSYEN 9(1)	<ul style="list-style-type: none">Menggunakan, mengerjakan atau mengendalikan ataumemberkan diguna, dikerja atau dikendalikan apa-apa pepasangan;Membekalkan elektrik drp mana-mana pepasangan kpd atau bagi kegunaan mana-mana orang.
KESALAHAN & PENALTI	SEKSYEN 37(4) & (5)	<ul style="list-style-type: none">Denda tidak melebihi RM50,000.00 & denda tambahan tidak melebihi RM1,000.00 bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan;Denda tidak melebihi RM100,000.00 & denda tambahan tidak melebihi RM1,000.00 bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

2. PENDAFTARAN PEPASANGAN

PEPASANGAN

DEFINASI	SEKSYEN 2	<p>Keseluruhan loji/kelengkapan di bawah satu pemunya/pengurusan yang direka bentuk bagi pembekalan atau penggunaan elektrik.</p> <p>Pepasangan Awam – dikendalikan oleh pemegang lesen bagi membekalkan elektrik kepada orang lain (termasuk kegunaan sendiri).</p> <p>Pepasangan Persendirian – dikendalikan oleh pemegang lesen/pemunya bagi membekalkan elektrik untuk kegunaan sendiri.</p>
KEPERLUAN	SEKSYEN 21	<ol style="list-style-type: none">1. Sebelum siapnya sesuatu pepasangan baru,pemunya hendaklah mengemukakan permohonan pendaftaran kpd ST ;2. Tiada seorang pun boleh memiliki/mengendalikan sesuatu pepasangan melainkan ia mempunyai Perakuan Pendaftaran.
KESALAHAN & PENALTI	SEKSYEN 37(8)	Denda tidak melebihi RM25,000.00 & denda tambahan tidak melebihi RM1,000.00 bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

PEPASANGAN AWAM



memerlukan sambungan elektrik?



PEPASANGAN PERSENDIRIAN



**PEPASANGAN
PERSENDIRIAN
YANG
PERLU DIDAFTAR**

**PEPASANGAN -
MENERIMA BEKALAN
11 kV**

**PEPASANGAN -
MENGGUNAKAN
JANAKUASA TUNGGU SEDIA**

3. PELANTIKAN & PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN

DEFINASI, KEPERLUAN & PENALTI

DEFINASI	SEKSYEN 2	Memegang suatu perakuan kekompetenan yang dikeluarkan oleh ST untuk melaksanakan kerja mengikut sekatan.
KEPERLUAN	SEKSYEN 23(1)	Tiada seorang pun yang tidak memiliki kelayakan atau memegang perakuan kekompetenan boleh menjaga apa-apa pepasangan / mengawal pengendalian apa-apa loji / kelengkapan elektrik.
KESALAHAN & PENALTI	SEKSYEN 23(2)	Denda tidak melebihi RM10,000.00 & denda tambahan tidak melebihi RM1,000.00 bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

KEPERLUAN & PENALTI DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

PER. 60	Orang Kompeten	Keperluan orang kompeten (kategori) untuk mengerja / mengendali / mempunyai kawalan atas apa-apa kerja atau pengendalian sesuatu pepasangan.
PER. 63	Pendaftaran Orang Kompeten	(1) Pemegang perakuan kekompetenan yang membuat apa-apa kerja/tindakan/perkara di bawah peraturan ini hendaklah mendaftarkan diri dengan ST. (7) Pemunya/pengurusan/pemegang lesen sesuatu pepasangan hendaklah menyebabkan didaftarkan dalam masa 7 hari dari pengambilan kerja mana-mana orang yang memegang Perakuan Kekompetenan.
Per. 122	Penalti	Denda tidak melebihi RM5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

4. MENGGANGGU PEPASANGAN / MENGGUNAKAN ELEKTRIK DGN CURANG

Seksyen 37(1)

Mana-mana orang yang mengganggu/melaras sesuatu pepasangan sehingga mungkin bahaya kpd nyawa manusia / kerosakan kpd kelengkapan atau harta lain.....

adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 37(3)

Mana-mana orang yang mengikut apa-apa cara dengan curang –

- a. Mengambil elektrik;
- b. Mengguna habis elektrik;
- c. Mengguna elektrik;
- d. Mengubah pinda indeks apa-apa meter; atau
- e. Menghalang apa-apa meter drp merekodkan keluaran atau penggunahabisan elektrik..
adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda..

(A) Kesalahan pertama.

- (i) domestik - tidak kurang drp RM1,000.00 & tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.
- (ii) bukan domestik - tidak kurang drp RM20,000.00 & tidak melebihi RM1,000,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

(B) Bagi kesalan ke dua dan berikutnya.

- (i) domestik - tidak kurang drp RM5,000.00 & tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.
- (ii) bukan domestik - tidak kurang drp RM100,000.00 & tidak melebihi RM5,000,000.00 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 37(13)

Tiada seorang pun boleh memasang apa-apa pendawaian atau persambungan elektrik pada pendawaian yang ada pada mana-mana premis tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis drp pemegang lessen....

adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.



GARIS PANDUAN

PROSIDUR TUNTUTAN KERUGIAN

Oleh Pemegang Lesen Bagi Kes-kes Penggunaan Elektrik Dengan Curang

5. KELENGKAPAN ELEKTRIK

Peraturan 97(1) & 109A(2)(b)

Perakuan Kelulusan bagi Kelengkapan:

Tiada seorang pun boleh mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklan – apa-apa kelengkapan domestic, kelengkapan voltan rendah yg biasa dijual secara langsung kepada orang awam atau kelengkapan voltan rendah yg tidak memerlukan kemahiran khusus dalam pengendaliannya, kecuali kelengkapan itu diluluskan oleh ST.

Pemantauan pasaran:

Sesiapa yang, dgn sengaja atau secara sedar melindungi, menyimpan, menyembunyikan atau memiliki apa-apa kelengkapan yang tidak dilabelkan mengikut peraturan 98 atau yg tidak mempunyai label penarafan kecekapan, atau kedua-duanya, dengan niat untuk menjual atau menawarkan untuk dijual adalah melakukan kesalahan.

Penalti: Per. 122 – denda tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

6. PELANTIKAN & PENDAFTARAN PENGURUS TENAGA

PERATURAN-PERATURAN PENGURUS TENAGA DENGAN CEKAP 2008

Pemakaian:

Mana-mana pepasangan yang menerima tenaga elektrik dgn jumlah penggunaan menyamai atau melebihi 3,000,000 kWh yg diukur pada satu poin pemeteran atau lebih bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan berturut-turut

Pemberitahuan:

ST boleh pada bila-bila masa melalui notis bertulis kpd pepasangan berkenaan untuk melantik seorang pengurus tenaga elektrik berdaftar untuk menjalankan fungsi di bawah peraturan ini.

GENERAL PENALTY

(Efficient Management Of Electrical Energy Regulations 2008)



Any person who commits an offence under the Regulations shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding **RM 5,000 or to imprisonment for a term not exceeding **1 Year** or both**

7. PENDAFTARAN & PELANTIKAN KONTRAKTOR

KONTRAKTOR PERKHIDMATAN ELEKTRIK / KONTRAKTOR ELEKTRIK / KONTRAKTOR / KONTRAKTOR PAPAN TANDA ELEKTRIK / KONTRAKTOR PENGILANG PAPAN SUIS

Tiada seorang pun boleh melaksanakan apa-apa... kerja penyenggaraan & pembaikan, baik pulih & servis, penentukuran, ujian & pelakuan mana-mana pepasangan atau kelengkapan / kerja elektrik / kerja papan tanda elektrik / kerja untuk membuat papan suis ... melainkan jika orang itu memegang Perakuan Pendaftaran yang sah.

Pemantauan di tapak projek...

- bagi memastikan pelaksanaan kerja-kerja elektrik dijalankan oleh kontraktor berdaftar, dijalankan oleh orang kompeten berkaitan atau di bawah kawalannya, penggunaan kelengkapan yang diluluskan dan lain-lain,

8. LAIN-LAIN

KEMALANGAN SERIUS HENDAKLAH DILAPORKAN – SEKSYEN 33

Apa-apa kemalangan atau kebakaran yg menyebabkan atau mengakibatkan kehilangan nyawa atau cedera atau kerosakan serius pada harta yg berkaitan dgn apa-apa pepasangan atau loji atau kelengkapan elektrik.... hendaklah dilaporkan kpd ST

Penalti

- melanggar atau gagal mematuhi peruntukan ini, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000.00

SENGGARAAN PEPASANGAN – PER. 110(1)

Pepasangan hendaklah disenggarakan dlm keadaan baik & berfungsi dan langkah-langkah awasan hendaklah dipatuhi setiap masa untuk mencegah bahaya.

Penalti - melanggar atau gagal mematuhi peruntukan ini, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

GEGANTI DIUJI & DITENTUKUR– PER. 110(4)

Mana-mana geganti & peranti perlindung sesuatu pepasangan hendaklah diuji & ditentukur oleh orang kompeten sekurang-kurangnya sekali setiap 2 tahun.

Penalti - melanggar atau gagal mematuhi peruntukan ini, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

TERIMA KASIH